

Tatakelakuan Pembekal

Di Fruit of the Loom dan syarikat afiliasi kami ("FOTL"), kami komited untuk menjalankan perniagaan mengikut standard tertinggi etika perniagaan dan menghormati hak asasi manusia dan alam sekitar. Kami memerlukan komitmen yang sama daripada semua kemudahan yang membekalkan produk kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kontraktor, pemegang lesen dan rakan kongsi perniagaan lain yang ditetapkan (secara kolektifnya dirujuk sebagai "Pembekal"). Tatakelakuan Pembekal ini menggambarkan piawaian yang kami pasti bahawa komitmen dipatuhi oleh Pembekal dan dibimbing oleh prinsip daripada Konvensyen Asas Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan Tatakelakuan Tempat Kerja Persatuan Buruh Adil.

BERPUSATKAN MANUSIA

Hubungan Pekerjaan: Para pembekal akan menerima dan mematuhi peraturan dan syarat-syarat pekerjaan yang menghormati pekerja dan sekurang-kurangnya melindungi hak-hak mereka di bawah undang-undang dan peraturan keselamatan buruh dan sosial nasional dan antarabangsa.

Kesihatan dan Keselamatan: Para pembekal akan menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat bagi mengelakkan kemalangan dan kecederaan kepada kesihatan yang disebabkan oleh operasi Pembekal. Keadaan di seluruh fasiliti Pembekal, termasuk bilik-bilik asrama yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pembekal mestilah selamat, bersih dan mematuhi atau melebihi syarat-syarat semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan mengenai keselamatan dan kesihatan. Para pekerja mestilah dilatih dan berkelengkapan untuk melaksanakan kerja mereka dengan selamat.

Buruh Kanak-kanak: Pembekal tidak akan mengambil individu yang melanggar umur bersekolah mandatori tempatan atau di bawah umur sah pengambilan kerja yang berkenaan. Dalam apa jua keadaan sekalipun, Pembekal tidak akan mengupah pekerja di bawah umur 15 tahun, kecuali untuk pelakon kanak-kanak yang digunakan dalam pengiklanan atau media, dan hanya mematuhi peraturan-peraturan buruh kanak-kanak yang berkenaan.

Buruh Paksa: Pembekal tidak akan menggunakan buruh paksa, termasuk tetapi tidak terhad kepada buruh penjara, buruh kontrak atau hamba, atau buruh terikat. Pembekal akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan fasiliti tidak digunakan dalam pemerdagangan manusia dan akan memantau rantai bekalan mereka untuk amalan tersebut.

Gangguan atau Penderaan: Pembekal mesti memperlakukan semua pekerja dengan rasa hormat dan bermaruah. Pembekal akan mempunyai prosedur untuk memastikan tiada pekerja yang dikenakan sebarang gangguan fizikal, psikologi atau lisan, atau penderaan.

Tidak Mendiskriminasi: Pembekal tidak akan mendiskriminasi dalam pengambilan pekerja termasuk penggajian, pampasan, kenaikan pangkat, disiplin, penamatan atau persaraan, berdasarkan jantina, bangsa, agama, umur, ketidakupayaan, orientasi seksual, kerakyatan, kesatuan gabungan, pendapat politik, kumpulan sosial atau asal-usul etnik.

Waktu Bekeja: Pembekal tidak akan meminta pekerja bekerja lebih dari waktu biasa dan kerja lebih masa dari yang dibenarkan oleh undang-undang berkenaan. Dalam apa jua keadaan sekalipun, waktu bekerja mingguan biasa tidak akan melebihi 48 jam, dan para pekerja akan dibenarkan sekurang-kurangnya 24 jam berturut-turut rehat dalam tempoh setiap tujuh hari. Semua kerja lebih masa akan mengikut persetujuan. Pembekal tidak akan meminta kerja lebih masa secara tetap dan akan membayar kerja lebih masa pada kadar premium. Melainkan dalam keadaan luar biasa, jumlah waktu bekerja biasa dan lebih masa dalam seminggu tidak akan melebihi 60 jam.

Pampasan: Setiap pekerja berhak mendapat pampasan mengikut minggu kerja biasa yang mencukupi untuk menampung keperluan asas pekerja dan memberikan beberapa pendapatan budi bicara. Pembekal akan membayar sekurang-kurangnya gaji minimum atau gaji semasa yang sesuai, mana-mana yang lebih tinggi, selaras dengan kehendak undang-undang mengenai gaji, dan menyediakan apa-apa faedah tambahan yang dikehendaki oleh undang-undang atau kontrak. Apabila pampasan tidak menampung keperluan asas pekerja dan menyediakan sedikit pendapatan mengikut budi bicara, Pembekal akan mengambil tindakan yang sewajarnya yang bertujuan untuk mencapai tahap pampasan secara progresif.

Kebebasan Berpersatuan dan Perundingan Kolektif: Pembekal mesti mengiktiraf dan menghormati hak pekerja untuk kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif.

KESEDARAN TENTANG PLANET

Pembekal akan mengambil langkah yang bertanggungjawab untuk mengurangkan impak negatif yang diberikan oleh operasi mereka kepada alam sekitar. Secara minimumnya, ini memerlukan Pembekal mematuhi semua undang-undang tempatan dan antarabangsa berkenaan melindungi alam sekitar, termasuk penyimpanan dan pelupusan barang-barang berbahaya, dan berusaha untuk menjalankan perniagaan dalam cara yang meminimumkan penggunaan tenaga dan pembaziran, mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber semula jadi dan memaksimumkan kitar semula.

KETULENAN PRODUK

Pematuhan Undang-undang: Selain daripada memenuhi keperluan Tatakelakuan ini, Pembekal akan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan perjanjian lain yang berkenaan dengan operasi mereka.

Etika Perniagaan: Rasuah, peras ugut, penyelewengan atau salah nyata produk atau sumber bahan oleh Pembekal, dalam sebarang bentuk, adalah dilarang sama sekali. Larangan ini termasuk, tetapi tidak terhad pada, penawaran atau penerimaan rasuah sebagai pertukaran untuk kelebihan tidak wajar atau salah dan kegagalan untuk mendedahkan sumber bahan mentah atas permintaan. Pelanggaran larangan ini boleh mengakibatkan penamatan Pembekal serta-merta oleh FOTL dan Pembekal tertakluk kepada tindakan undang-undang.

Subkontraktor: Pembekal tidak akan menggunakan subkontraktor dalam pembuatan produk-produk dan komponen-komponen FOTL tanpa kebenaran bertulis FOTL terlebih dahulu dan hanya selepas subkontraktor bersetuju secara bertulis untuk mematuhi Tatakelakuan ini.

Pematuhan Kastam: Pembekal akan mematuhi semua undang-undang kastam yang berkenaan dan mewujudkan serta mengekalkan program-program untuk melindungi daripada pemunggaran produk yang menyalahi undang-undang.

Keselamatan: Pembekal akan mengekalkan prosedur keselamatan untuk melindungi daripada pembawaan masuk kargo yang tidak dimanifestasikan (seperti , dadah dan kontraban lain) ke dalam penghantaran produk FOTL, termasuk tetapi tidak terhad kepada pematuhan syarat-syarat Perkongsian Kastam-Perdagangan Menentang Keganasan (C-TPAT) untuk penghantaran ke Amerika Syarikat.

PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN

Keperluan Penyiaran: Pembekal akan menyiarkan Tatakelakuan ini di lokasi mudah dilihat yang boleh diakses oleh semua pekerja dan pelawat dalam bahasa yang difahami oleh setiap pekerja, termasuk pekerja migran asing. Pembekal akan berkomunikasi dan melatih semua pekerja setiap tahun mengenai elemen-elemen Tatakelakuan ini.

Penyimpanan Rekod: Pembekal akan menyimpan rekod-rekod yang lengkap dan tepat mengikut setiap elemen Tatakelakuan ini untuk membolehkan pengesahan pematuhan.

Garis Panduan Pembekal; Manual Pematuhan Sosial Pemegang Lesen: Sekiranya berkenaan, Pembekal akan mematuhi syarat-syarat yang diperincikan dalam Panduan Pembekal dan/atau Manual Pematuhan Sosial Pemegang Lesen, yang boleh didapati di laman web korporat FOTL www.fotlinc.com.

Penilaian dan Tindakan Pembetulan: FOTL menggunakan juruaudit dalaman dan juga juruaudit bebas untuk menjalankan penilaian di lokasi dan/atau virtual bagi memastikan pematuhan Tatakelakuan ini. Pembekal akan bekerjasama sepenuhnya dengan semua penilaian tersebut dan akan membuat rekod pematuhan terperinci yang tersedia untuk semakan. Pembekal akan bekerjasama dengan FOTL untuk membangunkan pelan tindakan pembetulan untuk menangani bahagian-bahagian ketidakpatuhan dalam cara yang munasabah.

Melaporkan Pelanggaran: Untuk melaporkan pelanggaran Tatakelakuan ini yang disyaki, hubungi Jabatan Tanggungjawab Sosial Korporat FOTL melalui telefon di +1-270-935-2588, melalui e-mel di code@fotlinc.com, atau dengan mengimbas kod ke kanan menggunakan peranti mudah alih. Sila berikan maklumat terperinci mengenai pihak-pihak yang terlibat dan pelanggaran yang didakwa, langkah-langkah yang diambil untuk terus menyelesaikan isu tersebut, dan maklumat perhubungan untuk kami berkomunikasi dengan anda mengenai kebimbangan tersebut secara sulit. Kami begitu tegas melarang sebarang tindakan balas terhadap individu yang melaporkan pelanggaran Tatakelakuan ini atau membantu atau mengambil bahagian dalam apa jua cara dalam sebarang penyiasatan pelanggaran Tatakelakuan ini. Sebarang tindakan balas harus dilaporkan kepada FOTL seperti yang dinyatakan di atas.



Sem. Februari 2022



VANITY FAIR.

JERZEES.